

09/09/1998

Pemimpin yakin penjelasan Dr M redakan kekeliruan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin Umno peringkat bahagian dan cawangan menerima penjelasan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pelucutan jawatan dalam Kabinet dan pemecatan keahlian Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka yang ditemui selepas Majlis Bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, petang ini yakin penjelasan itu meredakan kekeliruan pemimpin dan ahli parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata mesej yang disampaikan Dr Mahathir amat jelas dan meyakinkan ahli parti bahawa tindakan itu diambil dengan rasa penuh tanggungjawab.

"Tindakan itu juga berasaskan fakta yang tidak boleh disangkal dan ia bukan tindakan yang tidak memberi peluang kepada Anwar untuk membuat pilihan yang tidak merupakan jalan berduri, tetapi lebih mudah," katanya.

Naib Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pergerakan itu pada mesyuarat hari ini memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir dalam isu pelucutan jawatan Anwar.

Selain itu, katanya, Pemuda akan memerangi habis-habisan gerakan reformasi Anwar.

"Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi juga mengumumkan akan mengadakan mesyuarat khas Exco Pemuda, Khamis ini berhubung isu kedudukan Ketua Pemuda dan perkara berbangkit lain," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata penjelasan yang dibuat membuktikan Dr Mahathir tahu apa yang dilakukannya.

"Pergerakan tetap dengan pendirian bersatu dan memberi sokongan padu kepada Presiden," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Dr Mahathir memberi penjelasan lengkap berhubung isu pelucutan jawatan Anwar yang tidak boleh dipertikaikan.

"Bagaimanapun, mungkin ada menganggap tuduhan itu sukar dipercayai.

"Inilah ironi kes berkenaan, ia sukar diterima pada mulanya kerana membabitkan tokoh yang selama ini menggambarkan imej baik," katanya.

Ahli MT, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, berkata penjelasan Dr Mahathir kepada pemimpin parti cukup meyakinkan kerana beliau membuktikan keikhlasannya sepanjang ucapan beliau.

"Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dapat membuktikan hubungan erat beliau dengan Anwar dan sepanjang masa ingin menolong bekas timbalannya," katanya.

Menurutnya, penerangan yang diberi boleh menjelaskan keraguan serta kekeliruan pemimpin dan anggota Umno.

Naib Ketua Pemuda Umno Kedah, Abdul Wahab Din, berkata pihaknya akur dengan keputusan yang dibuat malah penjelasan yang diberi menambah keyakinan ahli terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Ketua Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu, Mohd Radzi Ayob, berkata penjelasan Dr Mahathir padat serta memuaskan ahli yang selama ini keliru dengan perkembangan yang berlaku.

"Kami yakin Presiden bertindak atas landasan yang benar dan terbukti tindakan yang diambil tepat," katanya.

(END)